

REKA BENTUK MODUL SILABIFIKASI BACAAN BAHASA MELAYU ASAS BAGI MENINGKATKAN PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBACA MURID-MURID

DESIGN OF A BASIC MALAY LANGUAGE READING SYLLABIFICATION MODULE TO IMPROVE STUDENTS' READING SKILLS

Mohamad Rozi Kasim^{1*}

¹ Department of Language and Malay Literature, Faculty of Languages and Communications, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author email: mrozi@fbk.upsi.edu.my

ARTICLE HISTORY

Received: 21.05.2025
Revised: 17.07.2025
Accepted: 19.02.2026
Published: 11.03.2026

KATA KUNCI

Modul Bacaan
Moduk Silabifikasi
Teknik Pengejaan
Kemahiran membaca
Fonologi Bahasa Melayu

ABSTRAK - Kajian ini tentang reka bentuk modul silabifikasi (suku kata) bahasa Melayu asas sebagai bahan pengajaran untuk mengatasi masalah membaca dalam kalangan murid-murid di sekolah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan proses pengumpulan data dan analisis data. Proses pengumpulan data ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kepustakaan. Manakala, analisis data pula melibatkan reka bentuk modul silabifikasi bacaan bahasa Melayu dan teknik pengejaan yang mengaplikasikan teori pengucukataan bahasa Melayu. Teori pengucukataan bahasa Melayu ini dipetik dan diubah suai daripada teori pengucukataan. Penggunaan teori pengucukataan bahasa Melayu bagi memastikan reka bentuk modul bacaan ini mematuhi rumus bahasa Melayu yang mempunyai empat bentuk asas suku kata yang utama, iaitu V (suku kata terbuka), KV (suku kata terbuka), VK (suku kata tertutup) dan KVK (suku kata tertutup). Hasil kajian ini terhasilnya modul silabifikasi bacaan bahasa Melayu yang mengandungi 36 pelajaran. Bukan itu sahaja, kajian ini juga turut menghasilkan teknik pengejaan bagi modul silabifikasi tersebut, iaitu teknik pengejaan 3 Depan 1 Belakang (3D1B). Teknik pengejaan ini dijangka memudahkan pengguna modul silabifikasi ini untuk mengaplikasikan modul tersebut dengan sebaiknya semasa mengajar murid-murid membaca bahasa Melayu. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini diharapkan dapat digunakan dan dimanfaatkan oleh semua pihak serta sekaligus meningkatkan tahap penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid-murid di sekolah.

ABSTRACT - This study is about the design of a basic Malay syllabification module as a teaching material to overcome reading problems among students in schools. This study uses a qualitative method that involves the process of data collection and data analysis. This data collection process is carried out using the literature method. Meanwhile, data analysis involves the design of a Malay reading syllabification module and spelling techniques that apply the theory of Malay syllabification. This theory of Malay syllabification is quoted and modified from the theory of syllabification. The use of the theory of Malay syllabification to ensure that the design of this reading module complies with the formula of the Malay language which has four main basic syllable

forms, namely V (open syllable), CV (open syllable), VC (closed syllable) and CVC (closed syllable). The result of this study is the production of a Malay reading syllabification module containing 36 lessons. Not only that, this study also produces a spelling technique for the syllabification module, namely the 3 Front 1 Back (3D1B) spelling technique. This spelling technique is expected to make it easier for users of this syllabification module to apply the module effectively when teaching students to read Malay. Therefore, it is hoped that this study can be used and benefited by all parties and at the same time increase the level of mastery of reading skills among students in schools.

PENGENALAN

Murid-murid di sekolah merupakan permata negara yang sangat penting dalam aspek pembangunan negara pada masa depan. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun dan berusaha untuk mencapai status negara maju, Malaysia sangat mementingkan pembangunan yang holistik, iaitu tidak hanya berfokus kepada pembangunan ekonomi sahaja, malah aspek pendidikan dan sosial juga sangat penting dan menjadi fokus utama negara. Namun begitu, pada masa ini masalah tidak boleh membaca atau lambat menguasai kemahiran membaca masih berlaku di sekolah-sekolah, sama ada di sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Isu ini sangat kritikal kerana jika negara Malaysia ingin mencapai status negara maju, maka aspek pendidikan ini perlu dititikberatkan terutama sekali masalah dalam menguasai kemahiran membaca bahasa Melayu.

Sebelum ini, kaedah bacaan huruf (ABC) merupakan satu kaedah bacaan yang popular dan digunakan dari zaman dahulu sehingga kini. Namun begitu, kaedah tersebut masih tidak mampu untuk mengatasi masalah tidak boleh membaca atau lambat menguasai kemahiran membaca sehingga ke hari ini. Terdapat banyak kelemahan dalam kaedah bacaan huruf dari aspek penyebutan fonem dan pengejaan suku kata yang memerlukan proses hafalan yang tinggi. Tidak semua murid mempunyai daya hafalan yang tinggi untuk mengaplikasikan kaedah bacaan huruf ini. Selain itu, kaedah bacaan fonik juga semakin banyak digunakan pada masa ini untuk menggantikan kaedah bacaan huruf. Tidak dinafikan bahawa kaedah bacaan fonik ini sedikit sebanyak berbeza daripada kaedah bacaan huruf kerana kaedah bacaan fonik ini lebih berfokus kepada pembunyian fonem dan pembunyian terus suku kata. Namun begitu, tenaga pengajar seperti guru atau ibu bapa perlu cakna terhadap pemilihan kaedah bacaan fonik yang sesuai kerana tidak semua kaedah bacaan fonik membunyikan fonem bahasa Melayu dan mengeja suku kata bahasa Melayu dengan tepat.

Oleh itu, berdasarkan masalah membaca dan kaedah bacaan yang digunakan pada masa ini, kajian ini akan cuba menghasilkan modul silabifikasi bacaan bahasa Melayu untuk membantu murid-murid untuk menguasai kemahiran membaca bahasa Melayu. Kajian ini berfokus kepada reka bentuk modul bacaan yang berasaskan suku kata bahasa Melayu untuk membantu murid-murid membaca bahasa Melayu dengan menggunakan sebutan fonem dan mengeja suku kata bahasa Melayu dengan tepat. Selain itu, dua fokus utama modul silabifikasi ini ialah aspek pembunyian fonem mestilah selari dengan bunyi fonem *International Phonetics Alphabets* (IPA) atau lambang fonetik sejagat dan pengejaan suku kata mestilah mematuhi rumus atau peraturan suku kata bahasa Melayu. Hal ini sekaligus menyebabkan kajian ini akan menggabungkan bidang fonetik dan fonologi dalam menghasilkan satu teknik bacaan yang berkesan dan mudah dikuasai oleh murid-murid. Kajian ini akan memperkenalkan teknik pengejaan bagi setiap suku kata bahasa Melayu (V, KV, VK dan KVK) dengan mengaplikasikan teori pengsukukataan bahasa Melayu yang diubah suai daripada teori pengsukukataan Goldsmith (2011).

Permasalahan Kajian

Kebanyakan murid mengalami masalah membaca disebabkan masih tidak ada satu kaedah atau teknik bacaan yang sistematik dan sesuai dengan murid-murid ini terutama sekali dalam konteks membaca bahasa Melayu. Murid-murid memerlukan satu teknik yang sistematik dan seragam yang membolehkan mereka untuk memahami sesuatu perkara. Tidak dapat dinafikan bahawa pada masa ini sudah banyak kajian-kajian yang menghasilkan kaedah bacaan bahasa Melayu yang terkini. Namun persoalannya, sejauhmanakah sesuatu kaedah bacaan itu bersifat aplikasi dan sesuai dengan keupayaan kognitif murid-murid yang berbeza-beza. Jika sebelum ini, kaedah bacaan bahasa Melayu yang popular dan digunakan secara meluas di sekolah-sekolah ialah kaedah bacaan huruf. Kaedah bacaan huruf ini sering digunakan oleh ibu bapa dan guru-guru untuk mengajar anak-anak atau murid-murid membaca

bahasa Melayu. Namun begitu, jika diteliti dengan lebih mendalam, kaedah bacaan huruf ini bersifat hafalan semata-mata kerana peringkat pengejaan perkataan tidak selari dengan penyebutan bunyi sebenar suku kata atau perkataan. Secara tidak sedar, kaedah bacaan huruf ini memerlukan seseorang itu untuk menghafal huruf dan bunyi suku kata dalam sesuatu perkataan itu. Hal ini sekaligus menyebabkan seseorang yang mempunyai tahap kognitif yang rendah akan sukar untuk menguasai kaedah bacaan huruf ini kerana keupayaan menghafal mereka tidak tinggi seperti orang lain yang mempunyai tahap kognitif yang mampu menghafal semua huruf dan bunyi suku kata. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, kaedah bacaan yang bersifat aplikasi dan sistematik perlu dicipta supaya murid-murid yang tidak mempunyai daya hafalan yang tinggi mampu untuk mempraktikkan kaedah bacaan ini dan sekaligus membolehkan mereka membaca perkataan-perkataan bahasa Melayu dengan mudah.

Selain itu, permasalahan kajian yang kedua adalah terdapat beberapa kaedah bacaan yang tidak berfokus kepada bentuk suku kata bahasa Melayu. Secara umumnya, bahasa Melayu merupakan bahasa yang dibunyikan hasil daripada gabungan beberapa suku kata. Setiap perkataan bahasa Melayu mempunyai suku kata yang boleh terdiri daripada satu, dua, tiga atau lebih suku kata. Namun begitu, terdapat dua isu berkaitan suku kata ini, iaitu kaedah bacaan yang tidak memfokuskan bentuk-bentuk suku kata bahasa Melayu dan kaedah bacaan yang tidak mengeja suku kata bahasa Melayu dengan tepat. Jika diteliti, bentuk-bentuk suku kata bahasa Melayu terdiri daripada empat bentuk yang utama, iaitu Vokal (V), Konsonan + Vokal (KV), Vokal + Konsonan (VK) dan Konsonan + Vokal + Konsonan (KVK) (Mohamad Rozi, 2023). Keempat-empat bentuk suku kata ini pula boleh terpecah kepada banyak suku kata mengikut contoh-contoh perkataan bahasa Melayu. Oleh itu, satu kaedah bacaan yang berfokus kepada suku kata (silabifikasi) perlu dicipta dengan menyenaraikan semua bentuk suku kata bahasa Melayu tersebut supaya memudahkan guru-guru untuk mengajar murid-murid membunyikan suku kata bahasa Melayu. Selain itu, isu pengejaan suku kata bahasa Melayu ini juga sangat penting kerana jika sesuatu suku kata itu dieja salah, maka output bunyi sebenar juga tidak selari dengan proses pengejaan. Oleh itu, satu kaedah yang bersifat sistematik perlu dicipta supaya suku kata bahasa Melayu dapat dieja dengan betul. Dalam konteks ini, proses pembunyian fonem (huruf) perlu dibunyikan dengan betul dan proses pengejaan suku kata juga perlulah dieja dengan betul mengikut sistem suku kata bahasa Melayu. Selain itu, setiap suku kata bahasa Melayu itu perlulah disusun mengikut bentuk yang mudah sehinggalah bentuk yang kompleks supaya proses pembelajaran dapat dijalankan secara sistematik dan tersusun.

Akhir sekali, kajian ini perlu dilaksanakan adalah isu berkaitan masalah membaca dalam kalangan murid-murid yang berbeza-beza. Masalah membaca dalam kalangan murid-murid ini boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu murid yang langsung tidak boleh membaca (buta huruf) dan murid yang boleh membaca tetapi jangka waktu untuk mereka menguasai kemahiran membaca ini sangat lewat berbanding murid-murid yang lain. Bagi murid-murid yang langsung tidak boleh membaca ini, mereka tidak boleh membaca mungkin disebabkan masalah-masalah seperti disleksia, afasia, autism dan banyak lagi. Murid-murid ini mengalami masalah membaca disebabkan kerosakan otak yang dialami oleh mereka. Kemungkinan mereka untuk langsung tidak boleh membaca sangat tinggi disebabkan masalah otak yang dialami oleh mereka. Bagi murid-murid yang boleh membaca pula, terdapat isu berkaitan jangka waktu untuk mereka menguasai kemahiran membaca. Setiap murid tidak mempunyai jangka waktu yang sama untuk menguasai kemahiran membaca kerana setiap murid berbeza keupayaan kognitif mereka. Terdapat murid yang sudah boleh membaca seawal umur lima, enam atau tujuh tahun. Namun begitu, terdapat juga murid yang menguasai kemahiran membaca pada umur 10, 11, 12 tahun atau lebih. Malah terdapat juga mereka yang menguasai kemahiran membaca ini selepas tamat persekolahan. Isu ketidakseragaman jangka masa penguasaan kemahiran membaca ini sangat membimbangkan kerana sekiranya seseorang itu lambat menguasai kemahiran membaca, maka mereka juga akan sukar untuk memperoleh ilmu-ilmu yang lain yang memerlukan kemahiran membaca dalam proses pemerolehan ilmu-ilmu tersebut. Oleh itu, isu murid tidak boleh membaca atau lambat menguasai kemahiran membaca ini perlu diatasi dengan segera dengan mencipta satu kaedah yang mudah, bersifat aplikasi dan sistematik.

Objektif Kajian


Objektif utama kajian ini adalah menjelaskan prosedur reka bentuk modul silabifikasi bacaan bahasa Melayu untuk kegunaan guru-guru bagi mengajar murid-murid yang mengalami masalah membaca bahasa Melayu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan bagi menjelaskan prosedur pembinaan modul silabifikasi bacaan bahasa Melayu untuk murid-murid yang mengalami masalah menguasai kemahiran membaca bahasa Melayu. Kaedah ini akan meneliti kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji di dalam dan di luar negara berkaitan teknik atau kaedah membaca. Melalui pembacaan ini juga, kajian ini akan dapat mengenal pasti teori-teori yang sesuai untuk diaplikasikan dan menyelesaikan isu-isu yang ingin diutarakan dalam kajian ini.

Kerangka Teoretis


Suku kata memainkan peranan yang sangat penting dalam menganalisis keteraturan fonologi, iaitu untuk menyatakan rentetan bunyi asas dalam sesuatu bahasa itu (Goldsmith, 2011: 165). Oleh itu, kerangka teori pengsukukataan bahasa Melayu diubah suai daripada teori autosegmental dari aspek pengsukukataan oleh Goldsmith (2011) dan Mohamad Rozi (2023). Terdapat tiga peringkat yang utama dalam struktur suku kata dalam sesuatu bahasa, iaitu tingkat suku kata, tingkat gatra X dan tingkat melodi. Berikut merupakan rajah struktur suku kata yang secara asasnya terdapat dalam semua bahasa di dunia ini:



Rajah 1: Struktur Suku Kata

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Goldsmith (2011: 170)


Berdasarkan rajah struktur suku kata yang dicadangkan oleh Goldsmith (2011) di atas, kajian ini akan mengaplikasikan rajah tersebut mengikut suku kata bahasa Melayu. Rajah 2 di bawah memaparkan rajah pohon untuk struktur suku kata bahasa Melayu:



Rajah 2: Suku kata bahasa Melayu


Berdasarkan Rajah 2 di atas, terdapat empat bentuk rajah struktur suku kata bahasa Melayu yang akan wujud disebabkan bahasa Melayu mempunyai empat bentuk suku kata asas, iaitu vokal (V), konsonan+vokal (KV), vokal+konsonan (VK) dan konsonan+vokal+konsonan (KVK). Rajah 3, 4, 5 dan 6 akan menunjukkan struktur suku kata bahasa Melayu berdasarkan bentuk suku kata asas bahasa Melayu. Bentuk suku kata asas bahasa Melayu ini perlu difahami dan dibezakan dengan bentuk struktur suku kata bahasa pinjaman kerana kosa kata pinjaman ada yang mematuhi pola empat bentuk suku kata asas bahasa Melayu, manakala terdapat juga kata pinjaman yang tidak mematuhi pola bentuk suku kata asas bahasa Melayu. Sebagai contoh, perkataan /komputer/ walaupun perkataan tersebut merupakan kata pinjaman, namun masih mematuhi pola suku kata asas bahasa Melayu. Manakala, perkataan pinjaman seperti /stokin/ tidak mematuhi pola struktur suku kata bahasa Melayu asas kerana perkataan tersebut dipinjam secara terus tanpa ada pengubahsuaian dari sudut fonem dan suku kata daripada bahasa Inggeris. Oleh itu, fokus kajian ini hanyalah berfokus kepada struktur empat bentuk suku kata bahasa Melayu asas sahaja kerana majoriti perkataan bahasa Melayu menggunakan empat bentuk suku kata asas bahasa Melayu ini.

Pertama sekali, jika suku kata itu hanya mempunyai satu vokal (V) sahaja seperti vokal /i/, maka suku kata bahasa Melayu tersebut akan menjadi seperti bentuk Rajah 3 di bawah ini:




Rajah 3: Suku kata terbuka (V)

Seterusnya, jika suku kata bahasa Melayu yang difokuskan ialah suku kata terbuka (KV), maka bentuk suku kata tersebut seperti yang terdapat pada Rajah 4 di bawah ini:




Rajah 4: Suku kata terbuka (KV)

Selanjutnya, sekiranya suku kata bahasa Melayu ialah suku kata tertutup VK, maka rajah suku kata tersebut seperti pada Rajah 5 di bawah ini:



Rajah 5: Suku kata tertutup (VK)

Akhir sekali, bentuk rajah suku kata tertutup KVK bahasa Melayu adalah seperti yang terdapat pada Rajah 6 di bawah ini:



Rajah 6: Suku kata tertutup (KVK)

Berdasarkan empat bentuk struktur suku kata bahasa Melayu yang dipaparkan sebelum ini, kajian ini akan mencipta modul silabifikasi bahasa Melayu berdasarkan bentuk suku kata bahasa Melayu tersebut dengan mengaplikasikan modul pengisukukataan Goldsmith (2011).

Justifikasi Pemilihan Teori Goldsmith Dan Kesesuaiannya Dengan Fonologi Bahasa Melayu

Pemilihan teori pengisukukataan yang dikemukakan oleh Goldsmith (2011) dalam kajian ini adalah berasaskan kesesuaiannya untuk menghuraikan struktur dalaman suku kata secara sistematik dan mengikut hierarki. Teori ini menekankan bahawa suku kata bukan sekadar rentetan linear bunyi, sebaliknya terbina daripada struktur dalaman yang terdiri daripada onset, rima, nukleus dan koda. Pendekatan ini membolehkan pengkaji menjelaskan proses penggabungan bunyi dengan lebih teratur dan berasaskan prinsip fonologi sejagat. Dalam konteks bahasa Melayu, teori Goldsmith didapati sangat sesuai kerana bahasa Melayu merupakan bahasa yang cenderung kepada struktur suku kata terbuka, khususnya pola KV, yang mendominasi sebahagian besar kosa kata asli bahasa Melayu. Walaupun bahasa Melayu turut mempunyai suku kata tertutup seperti VK dan KVK, struktur ini masih mematuhi prinsip asas pengisukukataan yang menempatkan vokal sebagai nukleus suku kata, selaras dengan kerangka teori Goldsmith.

Pengubahsuaian teori Goldsmith dalam kajian ini dilakukan bagi menyesuaikan dengan realiti fonologi bahasa Melayu yang lebih ringkas dan mudah. Bahasa Melayu tidak mempunyai gugusan konsonan kompleks pada posisi onset atau koda seperti yang terdapat dalam bahasa Inggeris (kecuali beberapa konsonan pinjaman bahasa Inggeris yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu). Oleh itu, struktur suku kata bahasa Melayu dapat dimodelkan secara jelas melalui empat bentuk asas sahaja,

iaitu V, KV, VK dan KVK, tanpa memerlukan perincian struktur fonologi yang terlalu kompleks. Selain itu, teori Goldsmith juga membolehkan pengkaji membezakan antara proses pengejaan linear dengan proses penggabungan fonologi secara berperingkat. Hal ini menjadi asas kepada pembinaan teknik pengejaan 3D1B, khususnya bagi suku kata KVK yang memerlukan penggabungan rima terlebih dahulu sebelum digabungkan dengan onset. Pendekatan ini selari dengan cara semula jadi manusia memproses bunyi bahasa, terutamanya dalam pembelajaran membaca awal. Oleh yang demikian, pemilihan dan pengubahsuaian teori pengsukukataan Goldsmith (2011) dalam kajian ini bukan sahaja berasas secara teoritikal, malah sesuai dari sudut aplikasi pedagogi bagi bahasa Melayu yang berasaskan suku kata terbuka dan struktur fonologi yang stabil.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini akan memperkenalkan modul silabifikasi bacaan bahasa Melayu yang membantu guru-guru, ibu bapa dan murid-murid untuk mengeja suku kata bahasa Melayu dengan tepat bagi setiap bentuk suku kata bahasa Melayu. Sebelum tenaga pengajar atau murid-murid menggunakan modul silabifikasi ini, tenaga pengajar dan murid-murid perlu menguasai teknik pengejaan suku kata yang diaplikasikan dalam modul ini terlebih dahulu. Teknik pengejaan suku kata yang akan diaplikasikan di dalam modul ini ialah teknik pengejaan 3D1B. Teknik pengejaan 3D1B ini bermaksud, tiga (3) bentuk suku kata bahasa Melayu akan dieja dari depan (D), manakala satu (1) bentuk lagi suku kata bahasa Melayu akan dieja dari belakang (B). Tiga bentuk suku kata yang akan dieja dari depan ialah suku kata V, KV dan VK. Manakala satu bentuk suku kata yang akan dieja dari belakang ialah suku kata KVK. Berikut merupakan penjelasan yang terperinci berkaitan teknik pengejaan 3D1B:

Teknik Pengejaan 3D1B

Pertama sekali, sebelum modul ini menjelaskan teknik pengejaan 3D1B, modul ini akan memperkenalkan bunyi-bunyi huruf terlebih dahulu. Bunyi huruf yang digunakan di dalam modul ini adalah berbeza dengan bunyi huruf ABC. Sebaliknya, modul ini telah menggunakan bunyi-bunyi huruf yang mengikut standard lambang fonetik sejagat atau *International Phonetics Alphabets (IPA)*. Penggunaan bunyi IPA ini sangat penting supaya semua huruf tersebut dibunyikan dengan bunyi sebenar yang diujarkan oleh manusia apabila membaca atau menyebut sesuatu perkataan itu. Jadual 1 hingga 8 di bawah merupakan panduan bagi membunyikan huruf-huruf vokal, konsonan dan diftong mengikut bunyi IPA:

Jadual 1: Huruf-huruf Vokal

Bil.	Vokal	Cara Bunyi
1.	a	Bunyikan vokal /a/ [ayam]
2.	e	Bunyikan vokal /e/ [emak]
3.	i	Bunyikan vokal /i/ [ikan]
4.	o	Bunyikan vokal /o/ [otak]
5.	u	Bunyikan vokal /u/ [ular]
6.	e	Bunyikan vokal /e/ [elok]

Jadual 2: Huruf-huruf Konsonan Di Bahagian Bibir

Bil.	Konsonan	Cara Bunyi
1.	p	Bunyikan konsonan /p/ ini [peh]
2.	b	Bunyikan konsonan /b/ ini [beh]
3.	m	Bunyikan konsonan /m/ ini [meh]
4.	w	Bunyikan konsonan /w/ ini [weh]

Jadual 3: Huruf-huruf Konsonan Di Bahagian Bibir-Gigi

Bil.	Konsonan	Cara Bunyi
1.	f	Bunyikan konsonan /f/ ini [feh]
2.	v	Bunyikan konsonan /v/ ini [veh]

Jadual 4: Huruf-huruf Konsonan Di Bahagian Gigi-Gusi

Bil.	Konsonan	Cara Bunyi
1.	t	Bunyikan konsonan /t/ ini [teh]
2.	d	Bunyikan konsonan /d/ ini [deh]
3.	n	Bunyikan konsonan /n/ ini [neh]
4.	r	Bunyikan konsonan /r/ ini [reh]
5.	l	Bunyikan konsonan /l/ ini [leh]

Jadual 5: Huruf-huruf Konsonan Di Bahagian **Lelangit Keras**

Bil.	Konsonan	Cara Bunyi
1.	c	Bunyikan konsonan /c/ ini [ceh]
2.	j	Bunyikan konsonan /j/ ini [jeh]
3.	ny	Bunyikan konsonan /ny/ ini [nyeh]
4.	s	Bunyikan konsonan /s/ ini [seh]
5.	z	Bunyikan konsonan /z/ ini [zeh]
6.	sy	Bunyikan konsonan /sy/ ini [syeh]

Jadual 6: Huruf-huruf Konsonan Di Bahagian **Lelangit Lembut**

Bil.	Konsonan	Cara Bunyi
1.	k	Bunyikan konsonan /k/ ini [keh]
2.	g	Bunyikan konsonan /g/ ini [geh]
3.	y	Bunyikan konsonan /y/ ini [yeh]
4.	ng	Bunyikan konsonan /ng/ ini [ngeh]
5.	kh	Bunyikan konsonan /kh/ ini [kheh]
6.	gh	Bunyikan konsonan /gh/ ini [gheh]


Jadual 7: Huruf Konsonan Di Bahagian **Glottis (Pita Suara)**

Bil.	Konsonan	Cara Bunyi
1.	h	Bunyikan konsonan /h/ ini [heh]

Jadual 8: Huruf-huruf Diftong


Bil.	Diftong	Cara Bunyi
1.	ai	Bunyikan diftong /ai/ [pand <i>ai</i>]
2.	au	Bunyikan diftong /au/ [kal <i>au</i>]
3.	oi	Bunyikan diftong /oi/ [kal <i>oi</i>]

Setelah semua huruf dibunyikan dengan bunyi tepat, maka kajian ini akan menjelaskan dengan terperinci berkaitan teknik pengejaan 3D1B. Teknik pengejaan dari depan, iaitu dari kiri ke kanan akan dijelaskan terlebih dahulu:




Rajah 7: Vokal (V)

Rajah 7 di atas menunjukkan bentuk suku kata yang pertama iaitu V atau vokal sahaja. Bentuk ini wujud dalam banyak perkataan seperti /**a**yam/, /i**k**an/, /e**m**ak/ dan banyak lagi. Bentuk ini mudah sahaja dieja dan dibunyikan, iaitu seseorang itu hanya perlu membunyikan vokal tersebut sahaja. Oleh itu, bentuk ini akan dieja dari depan sahaja.



Rajah 8: Konsonan + Vokal (KV)


Seterusnya, Rajah 8 di atas pula menunjukkan bentuk suku kata KV. Bentuk suku kata KV ini juga wujud dalam banyak perkataan bahasa Melayu seperti /**s**aya/, /**l**ama/, /**s**emak/ dan banyak lagi. Bentuk ini juga akan dieja dari depan iaitu huruf konsonan akan digabungkan dengan bunyi vokal. Contohnya /s/ + /a/ akan menghasilkan bunyi /sa/.



Rajah 9: Vokal + Konsonan (VK)

Selanjutnya, Rajah 9 di atas menunjukkan bentuk suku kata VK. Bentuk suku kata ini terdapat dalam bahasa Melayu seperti dalam perkataan /**a**mbil/, /**a**ngkat/, /i**n**dah/, /u**n**tuk/, /u**m**pan/ dan banyak lagi. Bentuk VK ini akan dieja dari depan juga, iaitu vokal akan digabungkan dengan konsonan bagi menghasilkan bunyi suku kata VK. Contohnya, vokal /a/ digabungkan dengan konsonan /m/ dan seterusnya menghasilkan bunyi suku kata /am/ seperti dalam perkataan /**a**mbil/.

Setelah kajian ini menjelaskan tiga bentuk suku kata bahasa Melayu yang dieja dari hadapan, maka kajian ini akan diteruskan dengan menjelaskan satu lagi bentuk suku kata yang akan dieja dari belakang, iaitu suku kata KVK. Berikut merupakan penjelasan berkaitan teknik pengejaan dari belakang.



Rajah 10: Konsonan + Vokal + Konsonan (KVK)


Rajah 10 di atas menunjukkan bentuk suku kata KVK yang wujud dalam bahasa Melayu. Suku kata tertutup tersebut akan menghasilkan banyak suku kata seperti /**p**an/, /**m**an/, /**t**an/ dan banyak lagi. Berdasarkan anak panah yang terdapat dalam Rajah 10 di atas, maka bentuk suku kata ini akan mempunyai dua peringkat pengejaan. Pertama sekali, vokal /a/ di posisi nukleus dan konsonan /n/ di posisi koda akan dieja dan digabungkan bagi menghasilkan bunyi rima [an] (**lihat anak panah 1**). Seterusnya, selepas terhasilnya bunyi rima, iaitu [an], langkah seterusnya konsonan /p/ di posisi onset

digabungkan dengan rima [an] (**lihat anak panah 2**). Hasil daripada gabungan tersebut akan menghasilkan suku kata tertutup KVK [pan].


Oleh itu, setelah guru, ibu bapa dan murid-murid didedahkan dengan teknik pengejaan 3D1B di atas, modul ini akan menyediakan pelbagai bentuk suku kata bahasa yang terhasil daripada gabungan empat bentuk suku kata asas bahasa Melayu. Semua bentuk suku kata yang digabungkan ini dipecahkan mengikut susunan daripada suku kata yang mudah dan ringkas sehinggalah gabungan suku kata yang sukar dan panjang. Semua suku kata tersebut mestilah dibaca mengikut penerangan yang telah dijelaskan sebelum ini, iaitu membunyikan huruf mengikut bunyi IPA (rujuk Jadual 1-8) dan mengeja suku kata menggunakan teknik pengejaan 3D1B.

Ringkasan Modul Silabifikasi Bacaan Bahasa Melayu


Berdasarkan penerangan yang telah diberikan di atas, teknik pengejaan 3D1B akan diaplikasikan terhadap modul silabifikasi bacaan bahasa Melayu yang telah dibina oleh kajian ini. Berikut merupakan ringkasan modul silabifikasi bacaan bahasa Melayu yang mengandungi 36 Pelajaran (Bab):




Pelajaran 1: KV




Pelajaran 2: VK




Pelajaran 3: KVK




Pelajaran 4: V + KV




Pelajaran 5: V + KV + KV




Pelajaran 6: KV + KV




Pelajaran 7: KV + KV + KV




Pelajaran 8: KV + KV + KV + KV




Pelajaran 9: KV + KV + KV + KV + KV



Pelajaran 10: KV + V




Pelajaran 11: KV + VK




Pelajaran 12: VK + KV



Pelajaran 13: KVK




Pelajaran 14: V + KVK




bulan belut betik berus

Pelajaran 15: KV + KVK




apakah amaran akidah alatan

Pelajaran 16: V + KV + KVK





barisan bekalan cabaran cabutan

Pelajaran 17: KV + KV + KVK



penulisan pelajaran

Pelajaran 18: KV + KV + KV + KVK





ambil

undang

islam

ombak

Pelajaran 19: VK + KVK






bantal

cantik

pantun

hantar

Pelajaran 20: KVK + KVK






kembali

mencari

menjala

berlari

Pelajaran 21: KVK + KV + KV




keranda

memandu


merindu

memaksa


Pelajaran 22: KV + KVK + KV



terlibat




termakan




tempayan

tembikar


Pelajaran 23: KVK + KV + KVK



berhantu




berbakti




berjanji

berlumba


Pelajaran 24: KVK + KVK + KV




kecurian



kegunaan




kelakuan




kegilaan

Pelajaran 25: KV + KV + KV + VK




keadaan




keibuan


Pelajaran 26: KV + V + KV + VK




Pelajaran 27: KV + VK + KV + KVK




Pelajaran 28: KV + KV + KV + VK



Pelajaran 29: KV + KVK + KV + KVK




Pelajaran 30: KV + KV + KV + KVK




bertujuan persamaan pertanian persatuan

Pelajaran 31: KVK + KV + KV + VK




permohonan pendidikan pertahanan

Pelajaran 32: KVK + KV + KV + KVK




menghubungi menghayati menjatuhi

Pelajaran 33: KVK + KV + KV + KV




menjalinkan menjatuhkan mencurahkan

Pelajaran 34: KVK + KV + KVK + KVK



Pelajaran 35: KV + KVK + KV + KV + VK



Pelajaran 36: KV + KV + KVK + KV + KV + VK

Implikasi Praktikal Modul Terhdap Kurikulum Sedia Ada (KSPK & DSKP)

Bahagian ini membincangkan implikasi praktikal reka bentuk modul silabifikasi bacaan bahasa Melayu terhadap pelaksanaan kurikulum sedia ada, khususnya Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Secara umumnya, KSPK dan DSKP Bahasa Melayu menekankan penguasaan kemahiran literasi awal yang merangkumi aspek mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Dalam konteks kemahiran membaca, dokumen kurikulum ini memberi penekanan kepada kebolehan murid mengenal huruf, membunyikan suku kata, membaca perkataan serta memahami makna secara berperingkat dan berstruktur. Walau bagaimanapun, dokumen kurikulum tersebut tidak menghuraikan secara terperinci kaedah pengisukukataan atau teknik pengejaan suku kata yang boleh digunakan oleh guru ketika melaksanakan pengajaran membaca di bilik darjah.

Sehubungan itu, modul silabifikasi bacaan bahasa Melayu yang dibina dalam kajian ini berpotensi untuk berfungsi sebagai bahan sokongan pedagogi kepada pelaksanaan KSPK dan DSKP. Modul ini tidak bercanggah dengan kehendak kurikulum, sebaliknya memperincikan pendekatan pengajaran membaca yang bersifat mikro, iaitu pada peringkat fonem dan suku kata, yang sering menjadi cabaran utama kepada murid-murid lemah membaca. Dari sudut pelaksanaan di prasekolah, modul ini sesuai digunakan bagi memenuhi Standard Pembelajaran KSPK yang menekankan keupayaan murid membunyikan huruf dan suku kata secara bermakna. Penekanan modul terhadap bentuk suku kata asas bahasa Melayu (V, KV, VK dan KVK) serta penggunaan bunyi fonem berdasarkan piawaian IPA dapat membantu guru prasekolah membimbing murid mengenal struktur bunyi bahasa Melayu secara lebih sistematik dan konsisten.

Bagi peringkat sekolah rendah pula, modul ini boleh dimanfaatkan dalam konteks pemulihan khas, intervensi awal membaca atau pengayaan kemahiran membaca bagi murid tahap satu. Teknik pengejaan 3D1B yang diperkenalkan dalam modul ini memberikan satu prosedur pengejaan yang jelas dan seragam, sekali gus membantu murid yang mengalami kesukaran membaca akibat kekeliruan antara sebutan huruf dan bunyi sebenar bahasa Melayu. Selain itu, penyusunan modul daripada suku kata yang paling mudah kepada gabungan suku kata yang lebih kompleks selari dengan prinsip

pedagogi dalam DSKP yang menekankan pembelajaran secara berperingkat (*scaffolding*). Hal ini membolehkan guru menyesuaikan penggunaan modul mengikut tahap penguasaan murid tanpa menjejaskan objektif kurikulum yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, modul silabifikasi bacaan bahasa Melayu ini berpotensi untuk menjadi alat sokongan kurikulum yang praktikal, khususnya dalam membantu guru menterjemahkan kehendak KSPK dan DSKP kepada amalan pengajaran membaca yang lebih berkesan di bilik darjah.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya membina modul silabifikasi bacaan bahasa Melayu yang boleh digunakan untuk membantu guru-guru atau ibu bapa untuk mengajar murid atau anak-anak mereka membaca bahasa Melayu dengan cepat, mudah dan berstruktur. Selain daripada membina modul silabifikasi, kajian ini turut menjelaskan teknik pengejaan 3D1B yang akan membantu pengguna modul ini untuk membaca setiap pelajaran dalam modul ini dengan betul dan tepat. Sebelum teknik pengejaan tersebut dijelaskan secara terperinci, kajian ini juga turut telah menjelaskan cara membunyikan fonem atau huruf dengan betul dengan merujuk kepada bunyi fonem vokal, konsonan dan diftong yang terdapat dalam senarai IPA. Walaupun penjelasan ini hanya dalam bentuk tulisan dan tidak ada bunyi bagi menjelaskan dengan terperinci bunyi-bunyi fonem tersebut, namun penjelasan yang diberikan dalam Jadual-jadual sebelum ini dianggap berpadam dan mampu membuat pembaca untuk memahami bunyi-bunyi fonem tersebut. Selain itu, penjelasan berkaitan langkah-langkah pengejaan setiap bentuk suku kata juga telah dijelaskan mengikut langkah-langkah yang telah diuraikan sebelum ini. Akhir sekali, terciptanya modul ini membuktikan kepada kita bahawa kerangka teori pengsukukataan bahasa Melayu yang telah diubah suai daripada teori pengsukukataan (Goldsmith, 2011) ini mampu untuk digunakan dan diaplikasikan dari sudut kemahiran membaca bahasa Melayu. Hal ini disebabkan bahasa Melayu merupakan bahasa yang majoriti perkataannya terbina daripada suku kata, iaitu empat suku kata yang asas (V, KV, VK dan KVK).

PENGHARGAAN

Kajian ini mendapat dana daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris melalui Skim Geran Galakan Penyelidikan (GGPU), Kod Penyelidikan: 2021-0083-107-01

GLOSARI

Istilah	Takrif Ringkas
Fonetik	Bidang linguistik yang mengkaji bunyi pertuturan manusia dari segi penghasilan, pendengaran dan sifat fizikal bunyi.
Fonologi	Bidang linguistik yang mengkaji sistem bunyi bahasa dan fungsi bunyi dalam sesuatu bahasa.
Fonem	Unit bunyi terkecil yang membezakan makna dalam sesuatu perkataan.
Suku Kata	Unit bunyi yang terbina daripada sekurang-kurangnya satu vokal dan boleh digabungkan dengan konsonan.
Silabifikasi	Proses pemisahan atau pemecahan suku kata daripada perkataan.
Onset	Posisi konsonan yang hadir di awal suku kata seperti dalam suku kata KV atau KVK. Posisi konsonan yang pertama itulah dinamakan posisi onset.
Nukleus	Posisi yang hanya boleh diduduki oleh fonem vokal sahaja. Dalam bahasa Melayu, posisi nukleus ini wujud dalam semua bentuk suku kata kerana vokal merupakan penentu bunyi suku kata bahasa Melayu.
Koda	Posisi konsonan yang hadir di suku kata tertutup seperti dalam suku kata VK atau KVK. Posisi konsonan yang terakhir itulah dinamakan posisi koda.
Suku Kata Terbuka	Suku kata yang diakhiri vokal seperti V dan KV.
Suku Kata Tertutup	Suku kata yang diakhiri konsonan seperti VK dan KVK.
IPA	<i>International Phonetic Alphabet</i> , sistem lambang fonetik sejagat bagi mewakili bunyi pertuturan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Pengkaji menyatakan bahawa tidak ada sebarang konflik kepentingan ketika menghasilkan kajian ini.

RUJUKAN

- A. Jailani Bin Che Abas. (2012). *Analisis Kecelaruhan Membaca Bahasa Melayu Pelajar Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M)*. Disertasi Sarjana Linguistik. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- Baron-Cohen, S. (2008). *Autism, Hypersystemizing and Truth*. The Quarterly Journal of Experimental Psychology. Vol. 61. Issue 1: 64-75.
- Bung Qian Min, et al. (2022). Kesedaran Dan Keperluan Guru Mengenai Modul Teknik Bacaan Dialogik Di Prasekolah SJKC. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)*. Vol 11 (1): 22-34.
- Chew Fong Peng. (2015). Pelaksanaan Program Literasi Dan Numerasi (LINUS) Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 5, Bil. 2 (Nov. 2015): 1-11.
- Chew Fong Peng & Mohd Fikri Ismail. (2020). Pelaksanaan Pendekatan Bermain Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)*. Vol 9 (1): 14-25.
- Goldsmith, John. (1976). *Autosegmental Phonology*. Dissertation of Doctor of Philosophy. Massachusetts Institute of Technology: United States.
- Goldsmith, John. (2011). *The Syllable*. In Goldsmith, John et al. (2011). *The Handbook of Phonological Theory*. Wiley-Blackwell.
- Mohamad Rozi Kasim (2023). Teknik Pengejaan Suku Kata Tertutup Bahasa Melayu KVK Secara Regresif (Dari Belakang Ke Depan): Satu Analisis Teori Pengsukukataan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*. Vol 12 (2): 1-12.
- Nabilah Asha, et al. (2020). Penggunaan *Big Book* Dalam Kalangan Guru Tadika Untuk Perkembangan Literasi Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)*. Vol 9: 106-112.
- Na'imah Yusoff. (2005). *Perbandingan Dua Kaedah Mengajar Kemahiran Bacaan Awal Bahasa Melayu Kanak-kanak Prasekolah*. Tesis Doktor Falsafah (Belum Diterbitkan). Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- Nur Syakirah Binti Azizan & Muhammad Saiful Haq Bin Hussin. (2017). Penguasaan Asas Membaca Melayu Melalui Program LINUS Di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 28: 135-163.
- Wan Nurzuliana Wan Ahmad. (2019). Amalan Guru Dalam Melaksanakan Kemahiran Literasi Bahasa Melayu Bagi Program LINUS Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. ISSN: 2180-4842. Vol. 9, Bil. 1 (Mei 2019): 1-11.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P Dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.